Lily Rossel a/p Sebastian lwn Pushpam a/p Subramaniam dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — SAMAN PEMULA NO 17–1 TAHUN 2002
ABDULL HAMID EMBONG, VT SINGHAM HH DAN BALIA YUSOFF PK
24 MAC 2003

Profesion Undang-Undang *— Lembaga Tatatertib — Aduan terhadap peguamcara kepada Lembaga Tatatertib — Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa satu siasatan formal tidak perlu berdasarkan syor Tribunal Penyiasat — Rayuan ke Mahkamah Tinggi — Rayuan di luar tempoh masa — Sama ada Lembaga Tatatertib perlu dinamakan sebagai parti — Sama ada rayuan boleh dibuat terhadap syor Tribunal Penyiasat — Akta Profesion Undang-Undang 1976 ss 93 dan 103*

Ini adalah satu rayuan oleh perayu terhadap keputusan Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 ('Akta tersebut'). Lembaga Tatatertib tersebut ditubuhkan mengikut s 93 Bahagian VII Akta tersebut untuk tujuan prosiding tatatertib terhadap semua peguambela dan peguamcara. Rayuan ini adalah berkenaan dengan satu aduan yang dibuat oleh perayu kepada Lembaga Tatatertib tersebut terhadap dua orang peguam. Melalui surat, Lembaga Tatatertib tersebut telah memberitahu kepada perayu bahawa selepas menimbang aduan dan laporan Tribunal Penyiasat, Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa kedua-dua peguam tidak memungkir sebarang peruntukan di bawah Akta tersebut atau sebarang kaedah-kaedah yang berkaitan. Terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib tersebut, perayu telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Pada dasarnya, dua soalan awal (preliminary issues) telah dikemukakan oleh Mahkamah Tinggi. Kedua-dua soalan adalah: (a) sama ada Lembaga Tatatertib harus dinamakan satu pihak dalam rayuan ini dan (b) sama ada rayuan boleh dibuat terhadap laporan Tribunal Penyiasat.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Adalah wajar sekiranya Lembaga Tatatertib dinamakan satu pihak. Walaupun s 111 Akta tersebut menyatakan bahawa tindakan atau prosiding tidak boleh diambil terhadap Lembaga Tatatertib, mahkamah berpendapat bahawa hanya untuk menamakan Lembaga Tatatertib sebagai satu pihak untuk tujuan rayuan ini bukan semestinya memberi makna bahawa satu tindakan atau prosiding telah diambil terhadap Lembaga tersebut (lihat ms 232C–D).

(2) Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua kes *Selvamary v Rethinasamy* [1991] 1 MLJ 156 dan *Gurdial Singh Tara Singh v Hendon Hj Mohamed & Anor* [1992] 4 CLJ 1983 harus dibezakan di mana peruntukan di bawah s 103 yang dirujuk dalam kedua-dua kes adalah sebelum pindaan kepada Akta tersebut, khususnya s 103. Pada masa kedua-dua kes diputuskan tidak wujud

Lembaga Penyiasat atau Lembaga Tatatertib atau Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994 seperti yang wujud dalam rayuan di hadapan mahkamah ini di mana keputusan untuk menolak aduan oleh perayu dibuat oleh Lembaga Tatatertib di atas syor oleh Lembaga Penyiasat dan bukan oleh Majlis Peguam seperti dalam kedua-dua kes yang diputuskan sebelum pindaan. Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa adalah wajar bahawa Lembaga Tatatertib dinamakan sebagai satu pihak dalam rayuan ini atau sekurang-kurangnya diserahkan dengan rekod rayuan dalam tempoh masa di mana rekod rayuan harus difailkan dan diserahkan kepada kedua-dua responden; *Selvamary v Rethinasamy* [1991] 1 MLJ 156 dan *Gurdial Singh Tara Singh v Hendon Hj Mohamed & Anor* [1992] 4 CLJ 1983 dibeza (lihat ms 233G–234A).

(3) Memorandum rayuan adalah cacat kerana semua cabaran yang dibangkit adalah terhadap laporan Tribunal Penyiasat dan bukan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib seperti yang diperuntukkan di bawah s 103E(1) Akta tersebut. Mahkamah berpendapat bahawa sebarang aduan atau cabaran yang dibangkitkan dalam memorandum rayuan hanya boleh dibuat terhadap Lembaga Tatatertib dan bukan terhadap Tribunal Penyiasat sebab perayu hanya dibenarkan untuk membuat rayuan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib. Mahkamah berpendapat bahawa perayu tidak boleh pergi ke belakang pendapat atau syor Tribunal Penyiasat dan soalkan syornya tetapi hanya berhak untuk mencabarkan keputusan Lembaga Tatatertib; *WE Balasingam v The Bar Council* [1986] 1 MLJ 334 diikut (lihat ms 234E–G, I–235A).

[English summary

This was an appeal by the appellant against the decision of the Disciplinary Board of the Bar under the Legal Profession Act 1976 ('the Act'). The Disciplinary Board was established by s 93 Part VII of the Act for the purposes of disciplinary proceedings against all advocates and solicitors. This appeal was concerned with a complaint by the appellant to the Disciplinary Board against two lawyers. Through a letter, the Disciplinary Board informed the appellant that after considering the complaint and report of the Investigating Tribunal, the Disciplinary Board decided that both lawyers were not in breach of any of the provisions of the Act or of any Rules. Aggrieved by the decision of the Disciplinary Board, the appellant filed an appeal to the High Court. Two preliminary issues were raised by the High Court. The questions were: (a) whether the Disciplinary Board should be named as a party in the appeal and (b) whether the appeal could be made against the Investigating Tribunal's report.

Held, dismissing the appeal:

(1) It was reasonable for the Disciplinary Board to be named as a party. Even though s 111 of the Act states that an action or a proceedings cannot be taken against the Disciplinary Board, the court was of the opinion that only to name the Disciplinary Board as a party for the purposes of the appeal did not mean that an action or a proceedings had been brought against the Board (see p 223C–D).

(2) The court was of the opinion that both the cases of *Selvamary v Rethinasamy* [1991] 1 MLJ 156 and *Gurdial Singh Tara Singh v Hendon Hj Mohamed & Anor* [1992] 4 CLJ 1983 should be distinguished as the provisions under s 103 referred to in both cases were before the amendment to the Act, specifically s 103. When both the cases were decided, the Investigating Board or the Disciplinary Board or the Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994 did not exist as they did in the appeal before the court where the decision to dismiss the complaint by the appellant was done by the Disciplinary Board on the recommendation of the Investigating Board and not by the Bar Council as in both the cases decided before the amendment. Thus, the court was of the opinion that it was reasonable that the Disciplinary Board be named as a party to the appeal or at least be provided with the record of appeal in the time when the record of appeal should be filed and handed to both the respondents; *Selvamary v Rethinasamy* [1991] 1 MLJ 156 and *Gurdial Singh Tara Singh v Hendon Hj Mohamed & Anor* [1992] 4 CLJ 1983 distinguished (see pp 224G–225A).

(3) The memorandum of appeal was defective as all the objections raised were against the Investigating Tribunal's report and not against the decision of the Disciplinary Board as provided by s 103E(1) of the Act. The court was of the opinion that any complaints or objections raised in the memorandum of appeal could only be made against the Disciplinary Board and not against the Investigating Tribunal as the appellant was only allowed to appeal against the decision of the Disciplinary Board. The court was of the opinion that the appellant could not question the opinion or the recommendation of the Investigating Tribunal but only could challenge the decision of the Disciplinary Board (see pp 225E–226A); *WE Balasingam v The Bar Council* [1986] 1 MLJ 334 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai lembaga tatatertib, lihat 9 Mallal's Digest (4th Ed, 1999 Reissue), perenggan-perenggan 1524–1527.

Kes-kes yang dirujuk

Gana Muthusamy v LM Ong & Co Permohonan Sivil No 08-19-98 (J) (dirujuk)

Gurdial Singh Tara Singh v Hendon Hj Mohamed & Anor [1992] 4 CLJ 1983 (dibeza)

Mat Yassin bin Dollah v Ibrahim bin Hussin & Anor [1997] 2 MLJ 681 (dirujuk)

Selvamary v Rethinasamy [1991] 1 MLJ 156 (dibeza)

Selvamary d/o P Sathianathan v G Rethinasamy [1989] 3 MLJ 49 (dirujuk)

United Malacca Bhd v Pentadbir Tanah Daerah Alor Gajah and other applications [2001] 1 MLJ 465 (dirujuk)

WE Balasingam v The Bar Council [1986] 1 MLJ 334 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 67(1)

Akta Profesion Undang-Undang 1976 ss 93 Bahagian VII, 99(1), 102(3), 103(3), 103E, (1), (3), 111

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994 kk 5(2), 11

VT Singham H (menyampaikan penghakiman mahkamah): Ini adalah satu rayuan oleh perayu melalui notis rayuan yang bertarikh 22 Januari 2002 terhadap keputusan Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam yang diberikan pada 19 Disember 2001 di bawah Akta Profesion Undang-Undang (Legal Profession Act) 1976 ('Akta tersebut') Lembaga Tatatertib tersebut ditubuhkan mengikut s 93 Bahagian VII Akta Profesion Undang-Undang 1976 untuk tujuan prosiding tatatertib terhadap semua peguambela dan peguamcara.

Rayuan ini adalah berkenaan dengan satu aduan yang dibuat oleh perayu secara bertulis yang bertarikh 25 Februari 1997 kepada Lembaga Tatatertib tersebut terhadap dua orang peguam yang bernama Pn Pushpam a/p Subramaniam daripada Tetuan Pushpam & Co dan En R Jegatheesa daripada Tetuan RJ Esa di Ipoh, responden-responden dalam rayuan ini. Aduan adalah tentang 'irregularities and breaches of ethics' terhadap kedua-dua peguam tersebut.

Seksyen 99(1) Akta tersebut adalah seperti berikut:

> Complaint against advocate and solicitor or pupil
> Any complaint concerning the conduct of any advocate and solicitor or of any pupil shall be in writing and shall in the first place be made or referred to the Disciplinary Board which shall deal with such complaint in accordance with such rules as may from time to time be made under the provisions of this Part.

Di atas aduan tersebut, Lembaga Tatatertib telahpun melantik (constitute) Tribunal Penyiasat (Investigating Tribunal) pada 9 Oktober 2000 seperti

diperuntukkan di bawah s 100 Akta tersebut untuk menyiasat aduan tersebut. Seksyen 100 adalah seperti berikut:

> Investigating Tribunal
>
> (1) Where a written application or complaint is referred to the Disciplinary Board, the Disciplinary Board shall, if it considers that there is merit in the application or complaint, forthwith constitute an Investigating Tribunal.
>
> (2) An Investigating Tribunal to be appointed by the Disciplinary Board to inquire into the application or complaint shall consist of three members of whom shall be —
>
> (a) two advocates and solicitors; and
>
> (b) one lay person,
>
> appointed from the investigating Tribunal Panel.
>
> (3) The Disciplinary Board shall appoint a member from paragraph (a) of subsection (2) to be the chairman of the said Investigating Tribunal.

Di atas aduan tersebut, peguam Pn Pushpam, responden pertama dalam rayuan ini telah memberi penjelasan kepada Tribunal Penyiasat melalui surat yang bertarikh 9 Disember 2000 seperti di ms 30-33 rekod rayuan. Peguam En R Jegatheesa, responden kedua juga telah memberi penjelasan kepada Tribunal Penyiasat melalui surat yang tidak bertarikh seperti di ms 34-36 rekod rayuan (rujuk kepada s 101(4) Akta tersebut).

Setelah penyiasatan penuh dijalankan oleh Tribunal Penyiasat, tribunal tersebut telah mensyorkan kepada Lembaga Tatatertib melalui keputusan yang bertarikh 9 Ogos 2001 seperti di ms 38-45 rekod rayuan bahawa satu siasatan formal tidak perlu mengikut s 102(1)(a) Akta tersebut. Seksyen 102 adalah seperti berikut:

> *Disciplinary Board's consideration of report by Investigating Tribunal*
>
> (1) *The Investigating Tribunal shall determine and recommend to the Disciplinary Board any one of the following recommendations*:
>
> (a) *that a formal investigation is not necessary*;
>
> (b) that no cause of sufficient gravity exists for a formal investigation but that the advocate and solicitor should be ordered to pay a penalty; or
>
> (c) that there should be a formal investigation by a Disciplinary Committee.
>
> (2) If the Investigating Tribunal in its report recommends —
>
> (a) that there should be a formal investigation, then the Disciplinary Board shall constitute a Disciplinary Committee; or
>
> (b) that a formal investigation by a Disciplinary Committee is not necessary, the Disciplinary Board may, if it disagrees with the recommendation, appoint a Disciplinary Committee.
>
> (3) The Disciplinary Board shall inform the advocate and solicitor and the person who made the application or complaint of the manner in which it has determined the application or complaint and in the event of the determination being that a formal investigation is unnecessary the Disciplinary Board shall on the request of the person furnish him with its reasons in writing. (Emphasis added.)

Keputusan Tribunal Penyiasat dengan ringkas adalah seperti berikut: A

1 The Tribunal's Findings of Fact:

1.1 As for Mr Jega, if we confined ourselves to the two issues as raised by Complainant's counsel, there is no complaint against him.

1.2 Even if we extend it beyond the two issues raised, there is no case against Mr Jega. Paragraph 21 of the Complaint has not been proved. See reply by Mr Jega. There is no evidence that the document was served earlier. B

1.3 Counsel for the Complainant, Mr Balasingam, during the Inquiry kept on saying that he will call Mr Sharma and the land officers as witnesses but he did not and there is no explanation as to why he finally did not call Mr Sharma or the other witnesses. C

1.4 As for Ms Pushpam, if we confined ourselves to the two issues as raised by Mr Bala, there is also no case against her.

1.5 However, we will go further and determine whether there is any case against Ms Pushpam as stated in the Complaint or in the evidence.

1.6 We note that Mr Sharma was not called as a witness though Mr. Bala said repeatedly he would call him and the witnesses from the land office. There was no explanation why finally Mr Bala did not call them. D

1.7 There is a conflict in the versions as to what transpired at the meeting between Ms Pushpam and the Complainant and also whether Mr Sharma had agreed to the extension of the one week. If Mr Sharma had been called as a witness, he might have been of some help. E

1.8 As to the allegations of dishonesty, these were allegedly in the affidavits. These probably would be on the instructions of the client and rebutted.

1.9 We have examined paragraphs 5, 6, 7, 8, 9 and 10 of the Complaint and found that there was no evidence. F

1.10 As regards paragraph 11 of the Complaint, as stated at the end of this paragraph it was mere surmise and speculation.

1.11 As for paragraphs 12, 13, 14 and 15 of the Complaint, there was also no evidence of this.

1.12 As for paragraph 16 of the Complaint, it was mere suspicion as to why the Land Office stopped renewing the TOL. No evidence was led as to why it was not renewed. The issue of TOL is a matter for the land office. G

1.13 As for paragraph 17 of the Complaint, the wordings were 'led to believe'. This seems to be mere speculation on the part of the Complainant as to the reason why the Pejabat Tanah's decision not to renew her TOL for 1994. H

1.14 As for paragraph 19 of the Complaint, both sides were are represented by lawyers at all times then and even now. Complainant's lawyer should have objected.

1.15 By Complainant's admission, she got back three acres of land. She originally had two acres of land and her mother had two acres of land. These were under TOLs. There is no guarantee that Complainant can get the title to the total four acres. There is no evidence whatsoever that Pushpam had anything to do with the Complainant not getting the four acres of land. I

2 The Tribunal's Recommendation — that a formal investigation is not necessary.

3 The date of the Report — 7 August 2001.

4 The Signature of the Chairman of the Investigating Tribunal.

sgd
SY Lee
Chairman of the
Investigating Tribunal

Melalui surat yang bertarikh 19 Disember 2001, Lembaga Tatatertib Peguam telah memberitahu kepada perayu seperti yang dikehendaki di bawah sub-s 3 s 102 Akta tersebut bahawa selepas menimbang aduan dan laporan Tribunal Penyiasat, Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa kedua-dua peguam tidak memungkir sebarang peruntukkan di bawah Akta Profession Undang-Undang 1976 atau sebarang kaedah-kaedah yang berkaitan. Dengan itu, Lembaga Tatatertib telah beritahu bahawa Lembaga telah memutuskan tidak perlu satu penyiasatan formal dan seterusnya aduan yang dibuat oleh perayu telah ditolak.

Keputusan Lembaga Tatatertib Peguam-Peguam adalah seperti berikut:

LEMBAGA TATATERTIB PEGUAM-PEGUAM
ADVOCATES & SOLICITORS DISCIPLINARY BOARD

Your Ref:
Our Ref: DB/44/97/Liz
19 DEC 2001
Madam Lily Rossel a/p Sebastian
No 16, Jalan Hurst
Kampung Baru, Ulu Sepetang
34010 Taiping, Perak Darul Ridzuan By Post

Dear Sirs/Madam,

Re: Madam Lily Rossel a/p Sebastian v Ms Pushpam a/p Subramaniam & Mr R Jegatheesan.

The Disciplinary Board having considered your complaint and the Report of the Investigating Tribunal, decided that the advocate & solicitor concerned has not breached any of the provisions of the Legal Profession Act 1976 or any of the Rules made thereunder. As such, the Disciplinary board has decided a formal investigation is not necessary and that your complaint be dismissed.

The Disciplinary Board will furnish you with reasons in writing upon receipt of your written request.

In the event that you are dissatisfied with the decision of the Disciplinary Board, you are at liberty to appeal to the High Court of Malaya pursuant to s 103E of the Legal Profession Act 1976 within one (1) month from the date of receipt of this notification.

Thank you.
Yours faithfully,

tt
Renu Maraiah
Legal Officer
Complaints Secretariat

Terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib tersebut yang diberi pada 19 Disember 2001, perayu telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Tinggi seperti dibenarkan di bawah s 103E Akta tersebut. Seksyen103E Akta tersebut adalah seperti berikut:

> Appeal from the decision of the Disciplinary Board
>
> (1) Any party aggrieved *by any decision or order made by a Disciplinary Board* shall have the right to appeal to the High Court within one month of notification of the decision or order complained against.
>
> (2) The appeal shall be fixed for hearing before three Judges of the High Court.
>
> (3) *Any party aggrieved by the decision of the High Court shall have the right to appeal to the Supreme Court* within one month of the decision of the High Court.
>
> (4) The Bar Council may in its discretion intervene at any stage of any appeal under this section. (Penekanan ditambah.)

Rayuan ini telah ditetapkan untuk pendengaran pada 2 Ogos 2002 di hadapan tiga hakim Mahkamah Tinggi. Pada tarikh tersebut, mahkamah ini mendapati bahawa notis pemberitahu tarikh bicara tidak diserahkan kepada kedua-dua responden. Bagaimanapun, responden kedua hadir di mahkamah selepas Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Ipoh menelefon beliau pada petang untuk hadir di mahkamah. Manakala responden pertama tidak dapat dihubungi. Oleh itu, mahkamah ini telah mengarahkan bahawa notis pemberitahu tarikh bicara diserahkan kepada kedua-dua responden dan rayuan ditangguh ke 24 Ogos 2002.

Sebelum mahkamah tangguh rayuan kepada tarikh lain, YA Hakim Utama Abdull Hamid Embong H mengemukakan dua soalan awal (preliminary issues) seperti berikut dan minta pihak-pihak untuk berhujah atas soalan-soalan tersebut pada tarikh baru pendengaran rayuan. Kedua-dua soalan adalah:

(i) whether the Disciplinary Board of the Bar should be made a party to the proceedings (appeal) set up under the Legal Profession Act?

(ii) refer to Memorandum of Appeal — grounds of appeal are all based on the findings of the Investigating Tribunal. Can there be an appeal to the High Court from the recommendation of the Investigating Tribunal?

Pada tarikh pendengaran rayuan pada 14 September 2002, peguam bagi perayu dan kedua-dua responden hadir. Selepas mendengar peguam bagi perayu dan kedua-dua responden tentang dua soalan awalan tersebut, mahkamah ini telah menolak rayuan dengan kos, iaitu kos rayuan dan kos Tribunal Penyiasat. Perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan Mahkamah ini dan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia.

Mengikut Seksyen 103E(3) Akta tersebut, perayu boleh buat rayuan kepada Mahkamah Agung yang sekarang dipanggil Mahkamah Persekutuan dalam satu bulan daripada keputusan Mahkamah Tinggi.

A Dalam hal ini, pihak-pihak boleh mengambil tindakan yang sewajarnya sama ada rayuan dibuat kepada Mahkamah Agung terhadap keputusan Mahkamah Tinggi dan kepada Mahkamah Rayuan (rujuk kepada s 67(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964). Bagaimanapun mengikut keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Gana Muthusamy v LM Ong & Co* (lihat Permohonan Sivil No 08–19–98 (J)) notis rayuan terhadap keputusan
B Mahkamah Tinggi sepatutnya difailkan terus di Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan juga telah menepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang dilaporkan di [1998] 3 MLJ 341 pada 3 November 1998 (Koram: Eusoff Chin Ketua Hakim Negara, Wan Adnan Ismail HB (Malaya), dan Zakaria Yatim HMP). Seterusnya Mahkamah Persekutuan
C setelah membenarkan lanjutan masa kepada perayu pada 3 November 1998 untuk memfailkan notis rayuan di Mahkamah Persekutuan pada 4 Ogos 1999, lihat Rayuan Sivil No 02–20–98 (J) telah menolak rayuan perayu (Koram: YAA Dato' Wan Adnan bin Ismail HBM (pada masa itu), YA Dato' Paduka Mohamed Dzaiddin HMP (pada masa itu) dan Abdul Malek Ahmad HMP (rujuk kes *United Malacca Bhd v Pentadbir Tanah Daerah Alor*
D *Gajah and other applications* [2001] 1 MLJ 465).

Di atas soalan pertama, sama ada Lembaga Tatatertib harus dinamakan satu pihak dalam rayuan ini, peguam perayu telah berhujah bahawa Lembaga Tatatertib tidak dinamakan sebagai satu pihak kerana peruntukan di bawah s 111 Akta tersebut tidak membenarkan sebarang tindakan atau prosiding terhadap Lembaga Tatatertib tersebut.
E

Seksyen 111 Akta tersebut adalah seperti berikut:

> No action against Disciplinary Committee, etc for act done
>
> No action or proceeding shall lie against the Investigating Tribunal, the Disciplinary Committee, the Disciplinary Board, the Malaysian Bar or the Bar Council or any member thereof for any act or thing done under this Act unless
F it is proved to the Court that the act or thing was done in bad faith or with malice.

Tentang soalan yang kedua, peguam perayu akui dalam hujahnya bahawa rayuan memorandum tidak mengandungi sebarang aduan terhadap Lembaga Tatatertib di atas keputusan Lembaga Tatatertib tetapi hanya
G dibangkit terhadap keputusan Tribunal Penyiasat sahaja.

Manakala responden kedua berhujah bagi pihak beliau sendiri dan bagi responden pertama bahawa 'Malaysian Bar' perlu dijadikan satu pihak kerana sekiranya perayu berjaya di dalam rayuan ini, Majlis Peguam akan mengemukakan aduan kepada YAA Hakim Besar untuk satu siasatan
H formal di atas arahan mahkamah ini. Responden kedua merujuk kepada kes *Selvamary d/o P Sathianathan v G Rethinasamy* [1989] 3 MLJ 49 untuk menyokong hujahan beliau.

Seterusnya, responden kedua membangkitkan satu isu bahawa tempoh untuk memfailkan rayuan di Mahkamah Tinggi telah luput kerana rayuan hendaklah difailkan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh pemberitahu
I keputusan mengikut s 103E Akta tersebut. Beliau berhujah bahawa tarikh pemberitahu adalah 19 Disember 2001 dan merujuk kepada surat bertarikh 19 Disember 2001 daripada Lembaga Tatatertib

Peguam-peguam responden kedua juga berhujah bahawa rekod rayuan tidak mengandungi keputusan Lembaga Tatatertib dan beliau merujuk kepada kes *Mat Yassin bin Dollah v Ibrahim bin Hussin & Anor* [1997] 2 MLJ 681 di mana Nik Hashim H memutuskan bahawa tanpa keputusan hakim mahkamah sesyen rekod rayuan adalah tidak lengkap. Selanjutnya, responden kedua berhujah bahawa mengikut memorandum rayuan aduan adalah terhadap Penyiasat Tribunal dan bukan terhadap Lembaga Tatatertib.

Oleh itu, responden kedua berhujah tidak ada rayuan yang sah di hadapan mahkamah ini.

Keputusan mahkamah ini

Tentang soalan pertama, sama ada Lembaga Tatatertib harus dinamakan sebagai satu pihak dalam rayuan ini, saya berpendapat bahawa adalah wajar sekiranya Lembaga Tatatertib dinamakan satu pihak. Walaupun s 111 Akta tersebut menyatakan bahawa tindakan atau prosiding tidak boleh diambil terhadap Lembaga Tatatertib, saya berpendapat bahawa hanya untuk menamakan Lembaga Tatatertib sebagai satu pihak untuk tujuan rayuan ini bukan mestinya memberi makna bahawa satu tindakan atau prosiding telah diambil terhadap Lembaga tersebut.

Seterusnya, saya mendapati bahawa peruntukan di bawah k 5(2) Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994 juga adalah penting dan harus dipatuhi supaya Majlis Peguam di atas budibicaranya boleh masuk (intervene) di peringkat rayuan ini. Untuk Majlis Peguam dapat masuk (intervene) dalam rayuan ini, saya mendapati bahawa rekod rayuan harus diserahkan kepada Majlis Peguam supaya mereka dapat peluang sama ada untuk masuk (intervene) dalam rayuan ini.

Kaedah 5(2) Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994 adalah seperti berikut:

> Filing of appeal record
>
> A copy of the appeal record shall be served personally on the respondent, the Director and the Bar Council.

Dalam rayuan ini tidak ada sebarang maklumat atau bukti daripada peguam perayu sama ada rekod rayuan diserahkan kepada Majlis Peguam seperti dikehendaki di bawah Kaedah tersebut.

Dalam kes *Selvamary d/o Sathianathan* isu yang ditimbulkan oleh peguam bagi responden adalah sama ada Majlis Peguam atau 'the Malaysian Bar' di mana keputusannya adalah dipersoalkan perlu dinamakan sebagai satu pihak di mana sebenarnya tidak dinamakan. Juga, tempoh untuk rayuan telah luput dan dengan itu rayuan tidak timbul dan di atas alasan ini sahaja rayuan harus ditolak. Manakala peguam yang mewakili pengadu berhujah bahawa apa yang perlu dibuat oleh pengadu untuk mengaturkan rayuan adalah hanya untuk serahkan salinan dokumen-dokumen ke atas Majlis Peguam dan ini telah dilakukan mengikut s 103 Akta tersebut di mana Majlis Peguam harus diserahkan dengan setiap

dokumen yang dirujuk dalam Seksyen 103 Akta tersebut. Oleh itu, peguam bagi perayu berhujah rayuan boleh diteruskan. Edgar Joseph Jr H (pada masa itu) di antara alasan yang lain memutuskan bahawa 'the Malaysian Bar' harus dinamakan sebagai satu responden. Edgar Joseph Jr H juga memutuskan bahawa tempoh masa untuk membuat rayuan telah luput dan tidak ada sebarang peruntukan di Akta tersebut untuk melanjutkan tempoh masa. Beliau menolak rayuan dengan kos di atas dua bantahan awal tersebut.

Bagaimanapun, pengadu dalam rayuan itu tidak puas hati di atas penolakan rayuan dan telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Agung. Di peringkat ini adalah wajar untuk sebut bahawa dalam rayuan di hadapan mahkamah ini, kedua-dua pihak tidak memaklumkan kepada mahkamah bahawa keputusan Edgar Joseph Jr H (pada masa itu) telah dirayu kepada Mahkamah Agung dan bahawa keputusan Mahkamah Agung dilaporkan dalam jernal undang-undang. Bagaimanapun selepas satu semakan dijalankan oleh saya selepas keputusan ini dibuat, saya mendapati bahawa keputusan Mahkamah Agung sebenarnya telah dilaporkan (lihat *Selvamary v Rethinasamy* [1991] 1 MLJ 156).

Dalam keputusan Mahkamah Agung Hashim Yeop A Sani HBM berkata bahawa mengikut s 103(3) Akta tersebut, ia hanya memerlukan dokumen-dokumen diserahkan kepada Majlis Peguam dan Majlis Peguam tidak perlu dinamakan sebagai satu pihak. Mahkamah Agung bersetuju dengan keputusan YA Edgar Joseph Jr H (pada masa itu) bahawa tidak ada peruntukan di bawah Akta tersebut untuk melanjutkan tempoh masa untuk membuat rayuan dan oleh sebab tempoh masa untuk merayu telah luput, rayuan itu adalah tidak sah. Dengan itu, Mahkamah Agung telah menolak rayuan di atas isu kedua di mana tempoh masa untuk buat rayuan telah luput.

Dalam kes *Gurdial Singh Tara Singh v Hendon Hj Mohamed & Anor* [1992] 4 CLJ 1983, YA Mohamed Dzaiddin H (pada masa itu) memutuskan bahawa Majlis Peguam dan jawatankuasa peguam negeri tidak boleh dinamakan sebagai satu pihak di atas rayuan kerana s 103(3) Akta tersebut hanya memerlukan MajIis Peguam diserahkan dengan dokumen-dokumen dan kes *Selvamary v Rethinasamy*, keputusan Mahkamah Agung, telah dirujuk dalam kes *Gurdial Singh*.

Saya berpendapat bahawa kedua-dua kes *Selvamary v Rethinasamy* dan *Gurdial Singh* harus dibezakan di mana peruntukan di bawah s 103 yang dirujuk dalam kedua-dua kes adalah sebelum pindaan kepada Akta Profession Undang-Undang 1976, khususnya s 103. Pada masa kedua-dua kes diputuskan tidak wujud Lembaga Penyiasat atau Lembaga Tatatertib atau Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994 seperti yang wujud dalam rayuan di hadapan mahkamah ini di mana keputusan untuk menolak aduan oleh perayu dibuat oleh Lembaga Tatatertib diatas syor oleh Lembaga Penyiasat dan bukan oleh Majlis Peguam seperti dalam kedua-dua kes yang diputuskan sebelum pindaan. Oleh itu, saya berpendapat bahawa adalah wajar bahawa Lembaga Tatatertib dinamakan sebagai satu pihak dalam rayuan ini atau sekurang-

kurangnya diserahkan dengan rekod rayuan dalam tempoh masa di mana rekod rayuan harus difailkan dan diserahkan kepada kedua-dua responden. A

Sekiranya, saya telah tersilap di atas pendapat bahawa Lembaga Tatatertib wajar dinamakan sebagai satu pihak dalam rayuan ini, tidak ada sebarang bukti atau maklumat sama ada rekod rayuan telah diserahkan kepada Lembaga Tatatertib seperti yang dikehendaki oleh Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994. Di atas alasan ini juga rayuan adalah tidak sah dan harus ditolak. B

Bagaimanapun, tidak ada sebarang maklumat atau dokumen bilakah keputusan Lembaga Tatatertib yang bertarikh 19 Disember 2001 dimaklumkan kepada perayu atau diterima oleh perayu untuk tentukan tempoh satu bulan yang membenarkan perayu membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. Juga, tidak ada sebarang dokumen dalam rekod rayuan sama ada perayu telah memohon untuk alasan-alasan keputusan oleh Lembaga Tatatertib. Dengan itu, tanpa sebarang bukti oleh perayu bahawa rayuan ini difailkan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh beliau menerima keputusan tersebut, rayuan ini tidak boleh dinyatakan teratur dan bantahan yang dibangkit oleh responden kedua bagi diri beliau dan responden pertama bahawa rayuan ini tidak difailkan dalam tempoh satu bulan diterima. Walau bagaimanapun, k 11 Legal Profession (Disciplinary Proceedings) (Appeal) Rules 1994 menyatakan bahawa di mana tidak ada peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah ini prosedur dan amalan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dipakai. C D E

Tentang soalan yang kedua seperti yang dikemukakan kepada kedua-dua pihak bahawa memorandum rayuan adalah terhadap keputusan Lembaga Penyiasat dan bukan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib, saya berpendapat bahawa memorandum rayuan adalah cacat kerana semua cabaran yang dibangkit adalah terhadap keputusan Tribunal Penyiasat dan bukan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib seperti yang diperuntukkan di bawah s 103E(1) Akta tersebut dan seperti dinyatakan dalam notis rayuan. F

Saya berpendapat bahawa sebarang aduan atau cabaran yang dibangkitkan dalam memorandum rayuan hanya boleh dibuat terhadap Lembaga Tatatertib dan bukan terhadap Tribunal Penyiasat sebab perayu hanya dibenarkan untuk membuat rayuan terhadap keputusan Lembaga Tatatertib. Juga, notis rayuan yang difailkan oleh perayu dengan jelas menyatakan bahawa perayu tidak puas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib yang diberikan pada 19 Disember 2001 dan bukan terhadap keputusan atau syor Tribunal Penyiasat yang diberi pada 7 Ogos 2001. G H

Dalam kes *WE Balasingam v The Bar Council* [1986] 1 MLJ 334, Mahkamah Agung melalui Wan Hamzah SCJ telah memutuskan bahawa Jawatankuasa Tatatertib tidak boleh pergi belakang sabitan En WE Balasingam yang disabit di bawah ss 109 dan 409 Kanun Keseksaan untuk menentukan sama ada sabitan itu adil kerana sabitan itu adalah muktamad di mana rayuan terhadap sabitan telah ditolak. Seperti analogi kes tersebut, saya berpendapat bahawa perayu tidak boleh pergi ke belakang pendapat atau syor Tribunal Penyiasat dan soalkan syornya tetapi hanya berhak I

untuk mencabarkan keputusan Lembaga Tatatertib di atas sebab-sebab berikut:

(1) Tribunal Penyiasat hanya mensyorkan supaya penyiasatan formal tidak perlu;

(2) apa yang dikemukakan kepada Lembaga Tatatertib adalah hanya syor melalui satu laporan penyiasatan;

(3) Lembaga Tatatertib yang membuat keputusan selepas menimbang laporan Tribunal Penyiasat dan aduan-aduan oleh perayu seterusnya;

(4) Lembaga Tatatertib yang membuat keputusan bahawa satu siasatan formal tidak perlu dan aduan perayu ditolak;

(5) notis rayuan yang difailkan oleh perayu adalah terhadap keputusan Lembaga Tatatertib yang diberi pada 19 Disember 2001 dan bukan terhadap keputusan atau syor Tribunal Penyiasat.

Di atas alasan ini sahaja, saya berpendapat bahawa rayuan ini harus ditolak. Juga, saya berpendapat bahawa rekod rayuan juga tidak mengandungi alasan-alasan keputusan Lembaga Tatatertib. Dengan itu, rayuan oleh perayu ditolak.

Abdull Hamid Embong H, dan Balia Yusof PK, telah meneliti alasan-alasan penghakiman ini dan bersetuju.

Rayuan tersebut ditolak.

Dilaporkan oleh Peter Ling